

AGENDA 8

Menimbang Dan Meluluskan Cadangan
Penubuhan Subsidiari

MAPT KE-44

TUJUAN

Agenda ini adalah untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan penubuhan subsidiari.

LATAR BELAKANG

2. Perniagaan melalui syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat tujuan khas (SPV) merupakan salah satu alternatif yang dilaksanakan oleh koperasi-koperasi dalam mengembangkan aktiviti perniagaannya.
3. Penubuhan subsidiari membolehkan aktiviti ini dikendalikan secara profesional, mematuhi keperluan kawal selia dan menarik penyertaan strategik daripada rakan muafakat tanpa menjejaskan struktur asas koperasi.
4. Penubuhan subsidiari juga membolehkan tumpuan khusus kepada sektor perniagaan masing-masing dan pengurusan risiko yang lebih baik melalui pengasingan risiko kewangan dan operasi antara induk dan subsidiari.
5. Berdasarkan pelan strategik 2025 hingga 2027 dan keperluan pengembangan operasi semasa Syarikat Kumpulan, Lembaga bercadang untuk menubuhkan subsidiari seperti berikut:

(a) Sektor Perniagaan Baharu

Sektor baharu adalah seperti penglibatan dalam aktiviti ekonomi/perniagaan anjuran FELDA dan/atau rakan muafakat luar dan penerokaan bidang baharu.

(b) Pengembangan Perniagaan Semasa

Pengembangan aktiviti perniagaan semasa untuk diletakkan dibawah syarikat baharu.

(c) Subsidiari Syarikat Kumpulan

Subsidiari atau syarikat tujuan khas (SPV) bagi penganugerahan projek berkaitan Kerajaan.

6. Walau bagaimanapun, aktiviti ekonomi/perniagaan untuk dicaburi tidak terhad kepada yang disenaraikan di atas dan tertakluk kepada kajian lanjut yang menyeluruh dari aspek kewangan, komersial, risiko dan perundangan.
7. Selain itu, penubuhan subsidiari adalah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

SYOR

8. Sehubungan dengan itu, Lembaga mengesyorkan perkara-perkara berikut:
 - (a) mandat kepada Lembaga untuk menubuhkan tiga (3) subsidiari (jika perlu) dalam sektor ekonomi/perniagaan berikut:

Bil.	Aktiviti Ekonomi/Perniagaan	Bilangan Subsidiari
i.	Perniagaan baharu oleh KPF melalui aktiviti ekonomi anjuran FELDA dan/atau rakan muafakat luar dalam syarikat berkepentingan nasional dan strategik	1
ii.	Pengembangan aktiviti perniagaan semasa	1
iii.	Subsidiari atau syarikat tujuan khas (SPV) bagi penganugerahan projek berkaitan Kerajaan oleh Syarikat Kumpulan	1

- (b) Aktiviti ekonomi/perniagaan untuk diceburi tidak terhad kepada yang disenaraikan di atas dengan syarat tidak melebihi peruntukan had pelaburan; tertakluk kepada kelulusan SKM.

9. Agenda ini adalah untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.